

Klasifikasi Akhlak Dalam *Kitab Al-Mukhtaṣar Fī ‘Ilm Al-Akhlāq* Menurut Al-Qāḍī Al-Ījī

The Classification of Ethics In The Book Al-Mukhtaṣar Fī ‘Ilm Al-Akhlāq According To Al- Qāḍī Al-Ījī

MOHD KHAIRIL FITRI DIMAN*, WAN HASLAN KHAIRUDDIN¹

ABSTRACT

*This article discusses the thoughts of al-Qāḍī al-Ījī in al-Mukhtaṣar fī ‘Ilm al-Akhlāq. The main issues discussed in this article are: [i] The background and thoughts of al-Qāḍī al-Ījī, [ii] The scope, structure, characteristics of ethical preservation, and the means of acquiring them according to al-Qāḍī al-Ījī, and [iii] The implications of ethical preservation and its acquisition on Malay society. The writing of this article is based on content analysis research, with the primary source being the book al-Mukhtaṣar fī ‘Ilm al-Akhlāq. The findings of this study indicate that al-Qāḍī al-Ījī’s thoughts in his book al-Mukhtaṣar fī ‘Ilm al-Akhlāq demonstrate that the characteristics of ethical preservation and the ways to acquire them significantly influence the values and ethics of individuals in a nation. The development of an individual’s character to possess good ethics is crucial in instilling ethical elements in the formation of the Insān Kāmil. **Keywords:** Al-Qāḍī al-Ījī, al-Mukhtaṣar fī ‘Ilm al-Akhlāq, Implications, Malay society, Insān Kāmil*

PENDAHULUAN

Akhlak merupakan salah satu elemen yang penting dalam pembentukan *Insān Kāmil*. *Insān Kāmil* bermaksud manusia yang sempurna, dan sosok manusia sempurna boleh dilihat pada diri Rasūlullah SAW. Bagi menjadi *Insān Kāmil* bukanlah sesuatu perkara yang mustahil bahkan ia boleh diteladani, ini sebagaimana firman Allāh SWT;

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ
كَثِيرًا

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta

¹ **Mohd Khairil Fitri Diman*** (Corresponding Author), Postgraduate student at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: p131484@siswa.ukm.edu.my; **Wan Haslan Khairuddin** Ph.D, Senior Lecturer at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: wanhaslan@ukm.edu.my

ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)”.

(al-Aḥzāb, 33:21)

Malah, model terbaik dalam berakhlak ialah Rasulullah SAW sendiri. Kemuliaan akhlak baginda adalah untuk dicontohi dan dijadikan panduan bagi seluruh umat manusia tanpa berkecuali. Hal ini disebut berdasarkan sebuah hadith yang sahih daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya: *“Sesungguhnya tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak”.*

(Riwayat Ahmad [8952] Syeikh Syua’aib al-Arna’outh menilai hadis ini sahih dan sanadnya kuat)

Akhlak adalah perkara penting dalam Islam kerana ia adalah gambaran peribadi seorang manusia yang diciptakan dalam keadaan terbaik. Walau bagaimanapun, tanpa memelihara kesempurnaan ini melalui pembinaan dan peneguhan akhlak, nilai kemanusiaan yang mulia akan hilang, dan martabatnya akan jatuh kepada makhluk yang hina (Rajab 2010). Oleh itu, akhlak ialah kekuatan atau dayaaktif yang berasal dari dalam diri yang mendorong seseorang untuk melakukan perkara yang mereka mahukan. Semua tindakan yang dilakukan kerana ada dorongan daripada luaran sama ada berbentuk paksaan atau peraturan semata-mata ia belum boleh dikategorikan sebagai akhlak (Nazneen et.al 2021). Menurut Al-Ghazali, akhlak ialah kestabilan jiwa yang mendorong seseorang untuk melakukan kebaikan tanpa dipaksa (Azmil et al. 2016). Ini menunjukkan bahawa akhlak bukanlah sekadar tingkah laku luaran yang dibuat-buat atau dipaksa, tetapi sebagai sifat dalaman yang wujud dalam diri seseorang. Manakala menurut Ibnu Miskawaih, akhlak ialah suatu hal atau keadaan kejiwaan yang mendorong seseorang untuk melakukan suatu perbuatan dengan senang hati tanpa berfikir dan berfikir terlebih dahulu (Akilah 2020). Akhlak digambarkan sebagai keadaan dalaman yang membawa kepada tindakan yang menyenangkan dan spontan tanpa memikirkan panjang. Secara langsung difahami bahawa sumber kepada akhlak terletak pada hati manusia. Melalui hati, tindakan dan perkataan seseorang digerakkan.

Atas asas ini, pengkaji ingin mengetengahkan salah satu daripada karya tasawuf yang ditulis oleh al-Qāḍī al-Ījī yang bertajuk al-Mukhtaṣar fī ‘Ilm al-Akhlāq atau dikenali dengan

nama lainnya al-Akhlāq al-‘Aḍudiyyah. Walaupun karya ini kurang dikenali sebagai satu karya tasawuf namun ia mempunyai kesan yang besar terhadap kajian falsafah moral dalam dunia islam (Feryal 2022).

LATAR BELAKANG AL-QĀDĪ AL-ĪJĪ

Beliau dikenali sebagai 'Abd al-Rahman bin Ahmad bin 'Abd al-Ghaffār al-Ījī, yang dinisbahkan kepada daerah Ij di Shiraz, Iran. Beliau digelar dengan laqab 'Adud al-Dīn dan juga dikenal sebagai Qādī Qudāt al-Sharq (Ketua Hakim di Timur). Kunyahnya ialah Abū al-Fadl. Dikatakan bahawa nasab beliau bersambung dengan Abū Bakr al-Siddīq, yang menjadikannya seorang daripada suku Quraysh. Dilahirkan selepas tahun 708H, beliau merupakan seorang ulama terkemuka dengan kepakaran dalam pelbagai bidang ilmu. Al-Subkī dalam karya *tabaqāt*nya menggambarkan beliau sebagai imam besar dalam ilmu-ilmu 'aqliyah (seperti mantiq/logik, ilmu kalam, dan seumpamanya), memiliki pengetahuan yang mendalam tentang al-Qur'an dan al-Sunnah, serta mahir dalam ilmu balāghah/retorik Arab, ilmu naḥu, dan juga dalam Fiqh, khususnya Fiqh Mazhab Shāfi'ī, mazhab yang dianutinya. Beliau sering menuntut ilmu dengan Shaykh Zaynuddīn al-Hanakī, yang merupakan anak murid kepada Qādī Nāṣiruddīn al-Baydāwī, pengarang Tafsīr al-Baydāwī yang terkenal. Selain itu, beliau juga berguru dengan ulama-ulama lain, sehingga mencapai puncak keilmuan dan dilantik sebagai hakim dalam Kerajaan Mamluk di Madīnah Sulṭāniyah, Iran, pada zaman pemerintahan Khalīfah Abū Sa'īd. Di samping menjalankan tugas rasmi, beliau juga meluangkan masa untuk mengadakan pengajian, yang kemudian melahirkan ulama-ulama besar selepasnya. Antara alumni madrasah tarbiyah al-Ījī yang terkenal termasuklah Shamsuddīn al-Kirmānī, pengarang *Sharah Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, dan Diyā'uddīn al-‘Afīfī, seorang imam terkemuka dalam bidang bahasa Arab, yang kedua-duanya merupakan murid kepada al-Ījī. Selain itu, Sa'duddin al-Taftazānī, seorang ulama besar yang mewarisi kehebatan dalam ilmu kalam, juga terpengaruh dengan pengajaran al-Ījī (Khairul 2018: 1).

Setelah al-Ījī dipindahkan untuk bertugas sebagai hakim di Ij, beliau menikmati banyak kesenangan, kekayaan, dan pengaruh yang kuat. Harta-hartanya sering dibelanjakan di jalan Allah dan untuk membantu mereka yang memerlukan. Namun, kehidupan tidak selalu berada di puncak; ada kalanya roda kehidupan membawa ujian. Di akhir hayatnya, beliau menghadapi kemarahan pemerintah negeri Kirmān, yang menyebabkan beliau ditahan dan dipenjarakan di kubu Daraimiyan, berhampiran Ij. Beliau wafat dalam penjara pada tahun 756H. Semoga Allah merahmatinya. Al-Ījī telah mengarang pelbagai karya yang menjadi rujukan utama dalam ilmu

yang dibahaskannya, membuktikan ketajaman fikiran dan kepengarangan beliau. Beberapa karya beliau yang terkenal termasuk al-Mawāqif, sebuah ensiklopedia agung dalam ilmu kalam menurut tradisi Asha'irah, dan Jawāhir al-Kalam, yang merupakan ringkasan kepada al-Mawāqif dan menurut al-Zirkilī, masih wujud dalam bentuk manuskrip. Karya beliau yang lain termasuk al-'Aqā'id al-'Adudiyyah dalam ilmu kalam, al-Risālah al-'Adudiyyah dalam ilmu al-Wad', Sharah Mukhtaṣar Ibn al-Hājib dalam ilmu Usūl al-Fiqh, al-Fawā'id al-Ghiyāthiyyah dalam ilmu balāghah, serta Ashraf al-Tawārikh, sebuah karya yang menurut al-Zirkilī, telah hilang dan belum ditemui (Khairul 2018:2).

Al-Ījī juga telah menghasilkan karya lain yang berharga seperti *al-Madkhal fi 'Ilm al-Ma'āni wa al-Bayān wa al-Badī'* yang masih wujud dalam bentuk manuskrip, serta *al-Mukhtaṣar fi 'Ilm al-Akhlāq* atau juga dikenali sebagai *al-Risālah al-Shāhiyah fi 'Ilm al-Akhlāq* atau *al-Akhlāq al-'Adudiyyah* (Khairul 2018:3).

CIRI-CIRI PENJAGAAN AKHLAK DAN PEMEROLEHANNYA MENURUT AL-QĀDĪ AL-ĪJĪ

Definisi akhlak menurut al-Qāḍī al-Ījī adalah satu kemahiran yang muncul daripadanya perbuatan kejiwaan dengan mudah dan tanpa perlu berfikir. Ia boleh diubah berdasarkan pengalaman, dan perintah Sharīat serta kesepakatan seluruh orang yang berakal (Khairul 2018:23). Dalam kajian ini, teori yang digunakan oleh al-Qāḍī al-Ījī adalah bersandarkan kepada fakulti sifat kejiwaan. Fakulti sifat kekuatan jiwa itu terbahagi kepada tiga.



Rajah 1: Fakulti Sifat Kekuatan Jiwa


Sifat-sifat mulia merupakan yang *wasat* iaitu berada di tengah dan stabil. Dalam fakulti sifat kejiwaan, terdapat tiga keadaan yang stabil iaitu, Kebijaksanaan, Keberanian dan Kehormatan diri. Manakala sifat yang terlebih dan kurang merupakan sifat-sifat yang buruk.

Setiap daripada tiga keadaan yang stabil, terdapat bahagian-bahagian yang memperincikannya. Bagi Kebijaksanaan terdapat tujuh bahagian iaitu, minda yang terang (صفاء الذّهن), kefahaman yang mantap (جودة الفهم), kepintaran (الذكاء), konsesi (حسن التصور), mudah mempelajari (سهولة التّعلم), hafal (الحفظ) dan yang terakhir adalah ingat (الذّكر). Bagi Keberanian terdapat sebelas bahagian iaitu, berjiwa besar (كبر النّفس), cita-cita tinggi (عظم الهمة), kesabaran (الصبر), berani maju (التّجدة), santun (الحلم), damai (السكون), tawaduk (التّواضع), mulia (الشّهامة), cekal (الاحتمال), kekesatriaan (الحميّة) dan kelembutan hati (الرّفقة). Bagi kehormatan diri terdapat sebelas bahagian iaitu malu (الحياء), sabar (الصبر), tidak gelisah (الدّعة), kesucian (النّزاهة), rasa cukup (القناعة), tenang (الوقار), lemah lembut (الرّفق), cara hidup yang baik (حسن الشّمت), warak (الورع), teratur (الانتظار) dan dermawan (السّخاء) (Khairul 2018: 25-27).

Menurut al-Qāḍī al-Ījī, sesiapa yang memiliki sifat mulia, sama ada memperolehnya melalui usaha ataupun secara tabiat semula jadi, hendaklah dia menjaganya dengan menyeirangi orang-orang yang baik, tidak bersahabat dengan orang yang jahat, tidak melakukan perkara yang melalaikan, bergurau senda, dan berdebat. Hendaklah dia melatih dirinya dengan latihan ilmiah dan berfikir, mengingati ilmu, kekekalannya dan kemurniannya. Sesiapa yang ditimpa penyakit jiwa, hendaklah dia berusaha untuk memperoleh sifat mulia yang bersesuaian. Sekiranya tidak berkesan, ia perlu melakukannya dengan lebih keras dan mencela jiwa yang jahat. Sekiranya tidak berkesan lagi, kemudiannya dengan memperoleh sifat buruk yang bertentangan, hendaklah dia berjaga-jaga agar dia tidak melampau ke hujung yang lain iaitu sifat buruk yang lain menjadi akhlak buatnya. Sekiranya masih tidak berkesan, ia akan memberi kesusahan untuk menjalani latihan-latihan jiwa yang susah. Penyakit-penyakit ini telah diperincikan di dalam rajah berikut (Khairul 2018:31-32).

Bingung (الحيرة)
Jahil Biasa (الجهل البسيط)
Jahil Teruk (الجهل المركب)

Sifat Pengecut (الجبن)
Takut (الخوف)
Melampau dalam bersyahwat (الحرص)



Rajah 2: Ciri-ciri penyakit jiwa yang boleh meruntuhkan akhlak

CARA-CARA MERAWAT PENYAKIT JIWA BERDASARKAN KITAB AL-MUKHTAŞAR FĪ ‘ILM AL-AKHLĀQ

Penyakit jiwa yang pertama ialah kebingungan (الحيرة), yang berpunca daripada percanggahan antara hujah-hujah ilmu. Rawatannya adalah dengan mengamalkan hukum kanun akal (ilmu mantiq). Penyakit jiwa kedua ialah kejahilan biasa (الجهل البسيط), di mana individu yang menghidapnya seperti binatang ternakan, kerana tidak memiliki ciri yang membezakan manusia daripada binatang tersebut, bahkan lebih buruk lagi. Rawatannya adalah dengan mendekati para ulama supaya kekurangan diri dapat terlihat dalam perbincangan bersama

mereka. Penyakit jiwa ketiga ialah kejahilan teruk (الجهل المركب). Sekiranya individu ini masih dapat dirawat, caranya adalah dengan melazimi latihan rohani sehingga merasai nikmat keyakinan, diikuti dengan memperkuat kefahamannya melalui peringatan-peringatan hujah secara bertahap. Penyakit jiwa keempat ialah marah (الغضب), dan rawatannya adalah dengan menghapuskan punca-punca kemarahan seperti sifat 'ujub dan takabbur. Kedua-dua sifat ini perlu di jauhi kerana amat pelik untuk memandang manusia yang bangga sedangkan ia berasal dari dua titik keluarnya air mani (sekali dari bapa ketika pergaulan, dan sekali dari ibu saat melahirkan) dan akan mati suatu hari nanti, serta memerlukan pertolongan daripada sesama manusia pada masa akan datang (Khairul 2018: 32-33).

Penyakit jiwa yang kelima ialah berbangga-bangga (الافتخار), yang lebih buruk daripada 'ujub dan takabbur kerana ia bergantung pada pengiktirafan orang lain yang mengangkatnya. Ketiadaan kepentingannya dapat difahami apabila seseorang itu berkelana ke tempat di mana dia tidak dikenali. Penyakit jiwa keenam ialah suka berdebat dan bertengkar (المراء واللاجاج), yang merosakkan kerukunan dan hubungan baik. Penyakit ketujuh pula ialah bergurau secara berlebihan dan merendah-rendahkan orang lain (المزاح والاستهزاء), yang tidak mendatangkan faedah, merosakkan maruah, menimbulkan permusuhan, dan menghancurkan keharmonian. Sesiapa yang tidak dapat mengawal gurauannya harus berhenti daripadanya. Penyakit jiwa kelapan ialah khianat dan penindasan (الغدر والضيم), yang dilakukan demi kesenangan duniawi yang amat kecil nilainya jika dibandingkan dengan kejahatan yang dihasilkan. Seseorang itu sepatutnya membayangkan dirinya berada di tempat yang dizalimi untuk menyedari keburukannya. Penyakit kesembilan ialah mengejar apa yang diperebutkan manusia, seperti barang kemas dan permata (وطلب مايتنافس فيه من الجواهر), yang hanya menambah musuh dan tidak memenuhi hajat apabila diperlukan. Sekalipun ia kekal milik seseorang, dia sendiri tidak akan kekal untuk memilikinya. Penyakit jiwa kesepuluh ialah kemarahan (الغضب), yang apabila memuncak sukar diatasi kerana ia mengaburi akal dengan asap gelapnya. Setiap perkara yang mendekatinya menjadi bahan bakarnya. Rawatan yang mungkin bermanfaat termasuk mengubah keadaan fizikal, seperti dari berdiri kepada duduk, minum air, atau tidur. Kemarahan yang berakar daripada nafsu syahwat perlu dicegah, dan jika tidak, ia boleh menjadi semakin buruk, hingga mendorong seseorang mencela binatang dan benda-benda tak bernyawa. Menyedari perbuatan tersebut dan mendengar kritikan orang lain dapat membantu melihat keburukannya dengan jelas (Khairul 2018: 33).

Penyakit jiwa kesebelas ialah sifat pengecut (الجبن), yang mengakibatkan kehinaan, kecuaiian, serta tercalarnya maruah. Rawatannya adalah dengan berani menghadapi perkara yang menakutkan, berani menghadapi risiko, dan mengingatkan diri bahawa kematian adalah suatu kepastian. Penyakit jiwa kedua belas pula ialah rasa takut (الخوف), yang rawatannya bergantung pada kemampuan untuk menghilangkan punca ketakutan tersebut. Jika punca itu tidak dapat dielakkan, maka sebaiknya individu itu tetap berada di tempatnya dan tidak lari. Penyakit jiwa ketiga belas adalah sifat tamak dan keterlaluan dalam syahwat (الحرص), yang rawatannya melibatkan kesedaran bahawa sifat tersebut menyerupai haiwan, dengan kelazatannya yang sedikit, tempohnya yang singkat, dan tujuannya yang rendah. Selain itu, seseorang perlu merenungkan tujuan asal syahwat dan mengalihkan perhatian kepada perkara ilmiah atau aktiviti lain yang menjauhkan dirinya daripada godaan syahwat. Seseorang juga harus menjauhi hal-hal yang mendorong kepada syahwat. Penyakit jiwa keempat belas ialah kemalasan dan tidak berusaha (البطالة), yang mengakibatkan kerosakan jiwa dan tubuh, menyerupai benda yang tidak bernyawa. Akibatnya, kebijaksanaan akan terhapus. Seseorang perlu berusaha mencontohi mereka yang rajin dan gigih, merenungkan hasil dari usaha-usaha mereka, serta mendengar kisah-kisah mereka yang berjaya dan kisah kehinaan orang-orang yang malas serta akibat buruk yang menimpa mereka. Seseorang juga harus menyedari bahawa kemalasan akan membawa kepada kesibukan dengan perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan tidak berkaitan dengan diri sendiri (Khairul 2018: 34-35).

Penyakit jiwa kelima belas ialah kesedihan (الحزن), yang berpunca daripada harapan bahawa semua keinginan dan kehendaknya akan tercapai dan kekal. Harapan ini adalah satu bentuk kejahilan. Rawatannya adalah dengan mengarahkan diri kepada perkara-perkara yang kekal dan lebih baik. Penyakit jiwa keenam belas ialah hasad (الحسد), yang disebabkan oleh keinginan yang berlebihan dan ketidaktahuan tentang hakikat bahawa adalah mustahil untuk memperoleh segala kebaikan. Akibatnya, hasad ini membawa kepada kesedihan yang berpanjangan. Hasad yang paling teruk ialah apabila hasad terjadi di kalangan ulama, di mana apabila seseorang meraih satu kebaikan, dia berusaha menghalangnya daripada orang lain. Penyakit jiwa ketujuh belas ialah dengki (الغبطة), yang bermaksud keinginan untuk memperoleh kebaikan tanpa mengharapka ia terhapus daripada orang lain. Dengki ini terpuji dalam perkara-perkara ukhrawi, tetapi dalam urusan duniawi, ia menunjukkan keterlaluan dalam keinginan (syahwat). Penyakit jiwa kelapan belas ialah tamak (الطمع), yang berpunca daripada keinginan yang berlebihan, kemalasan, dan ketidaktahuan tentang hikmah kebijaksanaan Allah Ta'ala. Tamak membawa kepada kehinaan dan kerendahan martabat kerana ia memusatkan

perhatian hanya pada keuntungan duniawi tanpa memikirkan kepentingan spiritual dan kesejahteraan jangka panjang (Khairul 2018:35).

Penyakit jiwa kesembilan belas ialah dendam (الحقد), yang boleh dihapuskan dengan mengingatkan diri tentang nilai persaudaraan sejati. Sementara itu, penyakit jiwa yang terakhir ialah berbohong (الكذب), yang lebih buruk daripada diam, kerana ia mencipta kepercayaan palsu dan berpotensi membawa kemudaratan. Seseorang harus mengingat akibatnya, termasuk celaan, hilangnya kepercayaan orang lain, dan dipandang rendah oleh masyarakat. Dari sifat bohong dan 'ujub ini juga timbul kecenderungan untuk mendakwa perkara yang tidak dimilikinya, yang akhirnya membuka jalan kepada sifat munafik (Khairul 2018:35-36).

IMPLIKASI PENJAGAAN AKHLAK DAN PEMEROLEHANNYA TERHADAP MASYARAKAT MELAYU

Pemikiran al-Qāḍī al-Ījī tentang penjagaan akhlak dan pemerolehannya telah memberi impak yang mendalam terhadap pembangunan modal insan dalam masyarakat Melayu di Malaysia. Konsep akhlak yang digariskan oleh al-Ījī memberi panduan yang relevan untuk masyarakat Melayu dalam menghadapi cabaran moden sambil memelihara nilai-nilai tradisional. Salah satu implikasi utama adalah dalam aspek pembangunan sosial. Konsep al-ḥayrah (kebingungan) yang diperkenalkan oleh al-Ījī boleh digunakan untuk memahami dan menangani isu-isu sosial kontemporari yang kompleks. Misalnya, dalam menangani cabaran media sosial dan teknologi digital, masyarakat Melayu boleh mengaplikasikan prinsip-prinsip al-Ījī untuk mengekalkan keseimbangan antara kemajuan teknologi dan nilai-nilai akhlak tradisional. Hal ini kerana, media sosial boleh mencetuskan pelbagai isu akhlak seperti penyebaran fitnah, maklumat palsu, serta membangkitkan isu-isu yang sensitif dari sudut etika. Menurut Muhasim (2019), dalam era pemodenan teknologi maklumat, pengaruh positif dan negatif akan muncul seiring dengan perkembangan sains dan teknologi perlu diterima. Oleh itu, pengaruh positif perlu diurus dengan baik agar memberi manfaat kepada akhlak.

Dari sudut pendidikan, pemikiran al-Qāḍī al-Ījī boleh diintegrasikan ke dalam kurikulum pendidikan akhlak di sekolah-sekolah untuk anak Melayu, dengan menekankan aspek Kebijaksanaan (الحكمة) yang merangkumi elemen-elemen penting seperti minda yang terang (صفاء الذهن), kefahaman yang mantap (جودة الفهم), kepintaran (الذكاء), konsesi (حسن التصور), mudah mempelajari (سهولة التعلم), hafal (الحفظ), dan ingat (الذكر). Kebijaksanaan ini melibatkan bukan sahaja kecerdasan intelektual, tetapi juga upaya untuk memahami, mengamalkan,

dan membuat keputusan berasaskan nilai-nilai moral dalam kehidupan seharian. Minda yang terang merujuk kepada pemikiran yang jernih dan rasional, sementara kefahaman yang mantap dan kepintaran melibatkan keupayaan memahami konsep-konsep moral serta menggunakan akal secara cekap. Konsesi pula melibatkan kebolehan membuat persepsi yang tepat, dan mudah mempelajari merujuk kepada sikap terbuka dalam menimba ilmu baharu. Hafal dan ingat penting dalam memastikan nilai-nilai akhlak yang dipelajari dapat diaplikasikan dalam kehidupan. Dengan menggabungkan semua elemen ini dalam pendidikan, ia akan melahirkan generasi muda Melayu yang bukan sahaja bijak secara intelektual tetapi juga berakhlak tinggi, membina individu yang berdaya tahan dalam menghadapi cabaran etika moden, sekaligus membentuk masyarakat yang lebih harmoni dan beretika. Berdasarkan kajian daripada Sarimah et.al (2011) penghayatan akhlak perlu ditingkatkan di kalangan pelajar ke tahap optimum bagi memastikan pekerja dan warganegara Malaysia yang berkesan dapat dilahirkan di masa akan datang.

Dari sudut politik, keberanian dan kehormatan diri boleh diaplikasikan sebagai satu pemikiran daripada al-Qāḍī al-Ījī untuk membentuk seorang pemimpin melayu berakhlak mulia. Bagi Keberanian, terdapat sebelas bahagian yang mencerminkan sifat kepimpinan dan integriti, iaitu berjiwa besar (كبر النفس), cita-cita tinggi (عظم الهمة), kesabaran (الصبر), berani maju (التجدة), santun (الحلم), damai (السكون), tawaduk (التواضع), mulia (الشهامة), cekal (الاحتمال), kekesatriaan (الحمية), dan kelembutan hati (الرقة). Sifat-sifat ini amat penting dalam membentuk pemimpin politik yang berani, berprinsip, dan beretika, terutama dalam konteks politik Melayu. Seorang pemimpin yang berjiwa besar dan bercita-cita tinggi mampu membawa perubahan positif kepada masyarakat melalui dasar-dasar yang progresif, manakala kesabaran dan keberanian maju memberi kekuatan kepada pemimpin untuk menghadapi cabaran politik yang sukar dan tidak gentar dalam memperjuangkan kebenaran. Dalam politik, sifat santun dan tawaduk adalah kunci untuk membina hubungan yang harmoni antara pemimpin dan rakyat manakala mulia dan cekal adalah asas kepada daya tahan seorang pemimpin dalam menghadapi cabaran politik yang kompleks. Kekesatriaan dan kelembutan hati pula memastikan keseimbangan antara ketegasan dalam tindakan politik dan belas kasihan terhadap rakyat.

Selain itu, kehormatan diri juga memainkan peranan penting dalam pembentukan keperibadian seorang pemimpin melayu. Kehormatan diri yang terdiri daripada sifat malu (الحياء), sabar (الصبر), tidak gelisah (الدعة), kesucian (الزراهة), rasa cukup (القناعة), tenang (الوقار), lemah lembut (الرفق), cara hidup yang baik (حسن الشمت), warak (الورع), teratur (الانتظار), dan

dermawan (السَّخَاء) adalah asas kepada politik yang berintegriti. Pemimpin yang memiliki sifat malu dan warak akan menghindari tindakan yang tidak bermoral, sementara sabar dan tenang memberi keupayaan kepada pemimpin untuk bertindak rasional dalam situasi yang sukar. Sifat dermawan dan lemah lembut pula memastikan bahawa dasar-dasar politik yang dirangka mengambil kira keperluan rakyat yang memerlukan, sekaligus memupuk rasa hormat dalam kalangan masyarakat. Gabungan keberanian dan kehormatan diri dalam politik akan melahirkan pemimpin yang bukan sahaja cekap dalam urusan negara, tetapi juga dihormati kerana integriti, kesantunan, dan keprihatinannya terhadap kesejahteraan rakyat, yang akhirnya menyumbang kepada kestabilan politik dan keharmonian sosial dalam negara. Menurut A.Ghani (2015) segala masalah politik, ekonomi dan sosial boleh diselesaikan dengan pendidikan akhlak. Hal ini kerana hanya pendidikanlah (Islam) yang mampu mengubah segalanya menjadi kemakmuran.

KESIMPULAN

Secara dasarnya, pemikiran al-Qāḍī al-Ījī dalam kitabnya al-Mukhtaṣar fī ‘Ilm al-Akhlāq menunjukkan satu perkembangan yang sangat baik dari sudut pendidikan akhlak. Ciri-ciri penjagaan akhlak dan cara pemerolehannya sangat mempengaruhi nilai dan etika individu dalam sesebuah negara. Kaedah rawatan akhlak juga ditekankan untuk mengubati penyakit-penyakit jiwa yang boleh mencemarkan nilai akhlak seseorang individu. Selain itu, implikasi penjagaan akhlak dan pemerolehannya terhadap masyarakat Melayu dilihat berpotensi untuk memperbaiki akhlak di kalangan orang Melayu. Kajian ini mencadangkan agar lebih banyak lagi kajian lanjutan yang dilakukan terhadap masyarakat Malaysia terhadap penjagaan akhlak di masa akan datang. Kesimpulannya, pemikiran al-Qāḍī al-Ījī dalam kitabnya al-Mukhtaṣar fī ‘Ilm al-Akhlāq mampu menyasarkan kepada pembentukan akhlak seseorang individu untuk mempunyai akhlak yang baik dan menerapkan elemen akhlak dalam pembentukan *Insān Kāmīl*.

RUJUKAN

Al-Quran

A.Ghani. 2015. Pendidikan Akhlak Mewujudkan Masyarakat Madani. *At-Tadzkiyyah: Jurnal Pendidikan Islam*. Volume 6.

Akilah Mahmud. 2020. Akhlak Islam menurut Ibnu Miskawaih. *Jurnal Akidah-Ta*. Vol 6, No 1.

- al-Ījī, ‘Abd al-Raḥman bin Aḥmad bin ‘Abd al-Ghaffār. 1438H/2018M. *Ringkasan Ilmu Akhlak (al-Mukhtaṣar fī Īlm al-Akhlāq)*. Mohd Khairul Anwar Ismail (pnyt). Kuala Lumpur: Firdaus Press Sdn.Bhd.
- Al-Ījī. 2022. Adud al-Din al-Ijī’s Ethics: A translation of al-Akhlaq al-Adudiyya and Some notes on Its Commentaries. Feryal Salim (pnyt). Dalam B. Orfali, A. Khalil, & M.Rustom (Eds), *Mysticism and Ethics in Islam* (pp,249-250). American University of Beirut Press.
- Azmil Hashim , Mas ‘Ani Ahmad & Misnan Jemali. 2016. Pendidikan Akhlak Menurut Kaedah Al-Ghazali. *Journal of Islamic and Arabic Education*. Vol.8, No.1.
- H.Muhasim. 2019. Manajemen Akhlak Peserta didik di Era Modernisasi Teknologi Maklumat. *Jurnal Manajemen dan Ilmu Pendidikan*. Volume 1 (1).
- N.Ismail, N.I. Azizan, & S.M.M. Zin. 2021. Pembangunan akhlak menurut karya ulama silam: tumpuan terhadap Al- Risāla Al-Qushayriyya. *Journal Al-Irsyad*. Vol 6, No.1.
- Rajab, K. 2010. Psiko spiritual Islam: sebuah kajian kesehatan mental dalam tasawuf. *Millah, Edisi Khusus*, 139-159.
- S.Mokhtar, M.K.M.Jailani, Ab.H.Tamuri, & K.A.Ghani. 2011. Kajian Persepsi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Selangor. *GJAT*.Vol.1, No.1.